

24/03/2003

Dunia Islam diancam dasar kejam AS

SELEPAS empat hari melancarkan serangan terhadap Iraq, tentera Amerika Syarikat yang dibantu Britain terus mara ke Baghdad tanpa banyak tentangan. Mungkin Iraq dapat ditakluki dalam tempoh yang tidak begitu lama. Adakah selepas ini Presiden George Bush akan menjadikan beberapa negara Islam lain pula sebagai sasarannya? Ia memang berasas kerana Bush menganggap Iran negara paksi kejahatan. Kebimbangan ini sudah pun dilahirkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Selain itu, apakah Amerika akan menyerang Syria, Sudan dan Libya kerana menganggap kerajaan di negara berkenaan adalah kuku besi? Saddam Hussein, walaupun masih tidak terbukti memiliki senjata pemusnah besar, kimia dan bom nuklear, tetapi mahu diburu oleh Bush, selain pemimpin kanan Iraq.

Bush memberikan pelbagai alasan, sesetengahnya tidak munasabah bagi menghalalkan pembunuhan dan pengeboman dahsyat terhadap Baghdad.

Tindakan

ini mampu dilakukan kerana ia mempunyai kuasa dan kekuatan ketenteraan paling perkasa. Apakah kiranya negara lain juga boleh melancarkan serangan

bagi menghuraikan pertikaian? Tindakan Bush mengarahkan pembunuhan Saddam

dan anggota Kabinetnya diputuskan sah walaupun Amerika tidak ada hak melakukan kekejaman seumpama itu. Akhbar perdana Amerika pula hampir semuanya sekata menyokong pembunuhan terhadap Saddam sejajar pandangan Bush. Di manakah letaknya kewarasan mereka?

Kemusnahan dilakukan di bumi Iraq selain pembunuhan itu pasti mendatangkan implikasi buruk yang bakal mencorakkan landasan hubungan antarabangsa pada masa depan. Negara kecil akan melihat Amerika dengan kesangsian kerana sebagai negara bertamadun, ia masih sanggup menindas dan meranapkan negara lain yang lemah dan tiada siapa yang boleh menghalang Amerika. Sikap ganas Bush malangnya diberi gambaran oleh kebanyakan media Amerika, khususnya rangkaian televisyen sebagai berada di

landasan yang benar. Tanpa mengambil kira penderitaan dan kematian rakyat

Iraq, pengulas CNN dan CNBC dengan bangga memberikan ulasan betapa ketepatan peluru berpandu dan bom besar Amerika terkena sasaran di Baghdad. Jumlah rakyat menjadi korban tidak disebut, jauh sekali dikesali,

seolah-olah nyawa rakyat Iraq tidak bernilai langsung.

Rakyat Iraq, khususnya wanita, kanak-kanak dan orang tua yang dirundung

malang sejak sekatan tajaan Amerika 12 tahun lalu kini kian sengsara akibat serangan ini. Mereka terus menderita kerana kekurangan bekalan makanan dan ubat-batan. Tetapi, semua ini tidak dipedulikan Bush dan konconya. Amerika mendabik dada kononnya askar mereka berjaya mara ke Baghdad tanpa tentangan askar Saddam. CNN menggambarkan tentera Amerika begitu gagah, sedangkan peluru berpandu dilancarkan dari kapal 1,500 kilometer di Teluk Parsi dan jet jauh di udara tanpa Iraq mempunyai keupayaan menangkisnya. Persoalannya, jika benar Iraq mempunyai senjata

pemusnah besar kenapa sehingga kini senjata itu tidak digunakan?